

Bangunan ikonik MBM siap Mac 2021: Abang Johari

la bukan sahaja melambangkan perpaduan malah turut menambah baik perkhidmatan mengikut keperluan masyarakat

Oleh Mohamad Norhadie Sahari

MIRI: Bangunan ikonik Majlis Bandaraya Miri (MBM) baharu yang menyediakan perkhidmatan pintar dijangka siap sepenuhnya menjelang awal suku tahun depan.

Ketua Menteri Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg berkata, ia bukan sahaja bangunan yang melambangkan perpaduan malah turut menambah baik perkhidmatan mengikut keperluan masyarakat.

“Bangunan ini sepatutnya siap 24 Disember, namun disebabkan penularan pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), ia tertangguh seketika.

“Bagaimanapun bangunan yang mempunyai reka bentuk berdasarkan sejarah Miri sebagai bandar minyak dan gas di Sarawak dijangka siap 3 Mac 2021 atau awal suku tahun depan,” katanya semasa taklimat dan meninjau perkembangan projek berkenaan di Hotel Pullman Miri, petang semalam.

Abang Johari berkata, bangunan dengan kos pembinaan RM92 juta itu juga mengaplikasikan semua teknologi pintar yang lebih moden dan



PUAS HATI: Abang Johari ditemani tetamu lain meninjau tapak projek pembinaan bangunan baharu MBM di Marina Park, petang semalam.

memudahkan pengurusan lebih efektif.

“Bukan hanya bangunan pintar, malah ia akan menjadikan masyarakat Miri pintar.

“Sebagai contoh aplikasi Bas Pintar dan Trak Pintar

yang akan dikawal dari bangunan ini untuk memudahkan perkhidmatan pengangkutan bas dan pengumpulan sampah dengan lebih efisien,” jelasnya.

Abang Johari berkata bangunan yang berhadapan

dengan Laut China Selatan itu juga akan menjadi bangunan ikonik terutama dalam melonjakkan imej pelancongan di Miri.

“Saya telah meluluskan peruntukan untuk membina bangunan baharu MBM se-

laras dengan status bandar minyak dan gas itu sebagai bandar raya pelancongan,” katanya.

Sementara itu, Datuk Bandar Miri Adam Yii berterima kasih kepada Abang Johari dan kerajaan negeri

“Bangunan ini sepatutnya siap 24 Disember, namun disebabkan penularan pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), ia tertangguh seketika.”

Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg
Ketua Menteri

yang merealisasikan impian membina bangunan MBM lebih moden.

Komitmen kerajaan negeri katanya, dalam menjayakan pelaksanaan Projek Bangunan Baharu MBM dan Inisiatif Bandar Pintar berada di landasan tepat.

“Pembinaan infrastruktur antara tiga penyelesaian utama dalam pelaksanaan keseluruhan projek ini selain penyelesaian sistem dan penyelesaian perisian.

“Penyelesaian infrastruktur termasuk ‘Bandar Raya Selamat’, ‘Papan Tanda Digital’, ‘Taman Selamat’ dan ‘Saliran Pintar,’” jelasnya.

Selain itu, solusi sistem dan perisian meliputi Bas Pintar, Trak Pintar, Miri Pintar, Pelancongan Pintar dan Miri CARES.

“Kita mahu menukar Miri

menjadi tempat kediaman dan kerja yang selamat dan selesa,” jelasnya.

Yii memberitahu, sebanyak sembilan program dilaksanakan untuk Konsep Bukti (POC) MSCP di bawah Inisiatif Bandar Raya Pintar Kerajaan Negeri.

“Untuk solusi perisian, ia akan dibangunkan di luar lokasi. Bas Pintar dan Trak Pintar adalah solusi perisian untuk memperbaiki perkhidmatan pengangkutan bas dan pengumpulan sampah dengan lebih efisien,” jelasnya.

Menurut Yii, Pelancongan Pintar adalah salah satu usaha MBM untuk membangunkan Miri sebagai bandar raya berangin.

Miri CARES pula merupakan solusi perisian untuk menggalakkan interaksi antara rakyat dan MBM.